



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Telefon: 03-88832533
Fax : 03-88895245

Ruj. Kami: (13) dlm. KKM-61 (2096) Jld. 2.
Tarikh: 19 Jun 2014

Semua Ketua Program

Semua Ketua Fasiliti

Semua Jabatan Kesihatan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**CADANGAN PENGISIAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT
KUMPULAN PELAKSANA SECARA ARAHAN PERTUKARAN
DARI KALANGAN PEGAWAI YANG TELAH DINAIKAN
PANGKAT SECARA *TIME-BASED* DAN KHAS UNTUK
PENYANDANG**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan menerusi surat edaran JPA (S) NP 134/ 1 Klt. 19/ s.k. 2(11) bertarikh 14 Mei 2009 telah memperkenalkan dasar kenaikan pangkat *time-based* secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 15 tahun atau lebih. Pelaksanaan yang telah menjangkau lima (5) tahun itu telah ditambahbaik pada tahun 2013 menerusi tempoh *time-based* dikurangkan kepada 13 tahun dengan penambahan elemen kecemerlangan.

3. Berdasarkan rekod di Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 31 Mac 2014, jumlah keseluruhan pegawai Kumpulan Pelaksana yang telah menikmati faedah tersebut adalah seramai 27,148 dan jumlah pegawai (talent pool) yang dinaikkan pangkat secara *time-based* dan juga KUP akan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia berkeyakinan bahawa sebahagian besar daripada pegawai yang telah dinaikkan pangkat itu **berpotensi dan sesuai diperakukan** untuk mengisi jawatan kenaikan pangkat secara hakiki.

4. Sehubungan itu, bagi mengiktirafkan keupayaan dan potensi pegawai yang telah menunjukkan prestasi, sikap dan komitmen kerja yang baik serta memastikan pengisian jawatan gred jawatan di gred lapisan pertengahan dan tinggi dalam Kumpulan Pelaksana dapat dibuat secara optimum, Ketua Jabatan diminta untuk menyusul tindakan seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti kesemua pegawai berpotensi dari kalangan pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara *time-based* atau KUP untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat secara hakiki **secara arahan penempatan atau pertukaran**;
- (b) Memilih pegawai dan melaksanakan urusan penempatan atau pertukaran seperti berikut:
 - (i) Pegawai di peringkat Negeri dipilih oleh Panel Penilai yang ditubuhkan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri. Cadangan tersebut hendaklah diperakukan kepada Jawatankuasa Penempatan/ Pertukaran di Jabatan Kesihatan Negeri seperti mana ketetapan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2012 bagi urusan penempatan dan pertukaran; atau

- (ii) Pegawai di peringkat Program dan Fasiliti, pemilihan dibuat di peringkat Ketua Profesion dan cadangan tersebut seterusnya perlu diperakukan melalui Jawatankuasa Penempatan/ Pertukaran di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi urusan penempatan dan pertukaran.
- (c) Memilih pegawai berasaskan kriteria berikut:
- (i) Pegawai hendaklah memenuhi tempoh **dua (2) tahun** dinaikkan pangkat secara *time-based* atau KUP;
 - (ii) Pegawai mencapai markah purata Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini **80 peratus dan ke atas**;
 - (iii) Pegawai diperakui berpotensi dalam penyeliaan dan memiliki kompetensi yang diperlukan; dan
 - (iv) Pegawai menunjukkan sikap yang positif, teladan (role model), berketrampilan dan menunjukkan komitmen kerja yang baik.
- (d) Pertimbangan arahan penempatan atau pertukaran hendaklah:
- (i) dibuat **dalam fasiliti yang sama**; atau
 - (ii) sekiranya tiada kekosongan dalam fasiliti yang sama, maka pertukaran hendaklah dibuat **ke fasiliti terhampir** dalam daerah yang sama atau **antara daerah yang terhampir**. Langkah ini bertujuan mengurangkan gangguan terhadap penyampaian

perkhidmatan dan mengambil kira aspek kebajikan pegawai.

5. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang telah mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat secara hakiki tidak lagi kembali mengisi jawatan KUP 13 tahun. Pegawai yang tidak dipertimbangkan mengisi jawatan kenaikan pangkat hakiki kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan semula dalam urusan yang akan datang setelah syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.

6. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan urusan ini dari semasa ke semasa dibuat **secara telus dan berhemah** serta memaklumkan mengenai status pengisian jawatan secara berkala kepada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK FARIDA MOHD ALI)